

Mahathir nafikan 2,500 pelajar ITM dibuang

27 JAN 1976

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed menjelaskan ITM tidak akan mengurangkan sekaligus jumlah pelajar yang ada sekarang dari lebih 7,000 orang kepada 4,500 orang.

"Kalau ada pembuangan pun, ia akan dilakukan ke atas 200 pelajar yang terlibat menimbulkan ketegangan dalam kampus dan mereka yang tidak mahu meneruskan pelajaran lagi," kata beliau.

Beliau menafikan sejumlah 2,500 orang pelajar akan dibuang bila kampus itu dibuka semula nanti untuk disesuaikan dengan kemampuan asrama di kampus itu sekarang.

"Saya tidak sezalim itu," kata beliau dalam sidang akhbar mengulas kekeliruan yang mungkin timbul dari kenyataannya dan juga rencana pengarang sebuah akhbar tempatan baru-baru ini.

Kata Dr. Mahathir: "Apa yang saya maksudkan asrama di kampus Shahalam dirangka untuk menampung 4,500 orang penuntut saja, sedangkan jumlah penuntut yang ada lebih 7,000.

"Kenyataan itu tidak bermakna saya akan membuang 2,500 orang pelajar dari meneruskan pelajaran di ITM," katanya.

"Kalau nak dibuang-pun, mereka yang terlibat dalam menimbulkan ketegangan dalam kampus itu baru-baru ini.

"Yang lain nak buang macam mana," kata beliau.

Beliau memberitahu pembuangan itu akan dilakukan dua cara.

Pertama secara terus dan kedua digantung.

"Mereka yang digantung itu akan ditimbang untuk diambil semula setelah ITM merasa puashati mereka tidak akan menimbulkan masalah lagi," kata beliau.

Bagaimanapun Dr. Ma-

Oleh Zainuddin Bendahara:
Kuala Lumpur, Isnin

hathir menjelaskan kesemua pelajar itu, termasuk mereka yang terlibat menimbulkan ketegangan baru-baru ini akan ditendahkan terlebih dahulu.

Samada mereka akan diterima balik bergantung atas sikap mereka dalam temuduga itu.

Mereka dalam temuduga itu antaranya akan ditanya samada ingin meneruskan pelajaran.

Singkir

"Jika mereka berkata tidak mahu, kita terpaksa menyingkirkan mereka," kata beliau.

Beliau menambah, ada antara pelajar-pelajar menyatakan mereka masuk ke ITM untuk menjadi pemimpin masyarakat.

"Kita tidak tahu sama-ada mereka menyatakan demikian kerana sombong atau bongkak, tetapi yang pasti golongan ini tidak akan kita timbangkan," kata beliau.

Dalam pada itu, kata Menteri Pelajaran, pertimbangan juga tidak akan diberi ke atas pelajar-pelajar yang tidak sanggup menerima peraturan-peraturan disiplin yang akan dikenakan.

Beliau menegaskan, peraturan dan temuduga

yang akan dilakukan ini perlu supaya ITM dapat berdiri sebagai sebuah institusi pelajaran tinggi yang "teragung" dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

"Kalau tidak, kita tidak perlu mengadakan temuduga ini," kata beliau.

Beliau juga memberitahu temuduga dan tindakan ini perlu dalam usaha menjaga kepentingan dan keselamatan sebilangan besar pelajar yang benar-benar mahu meneruskan pelajaran.

Beliau diberitahu ada setengah dari 200 pe-

★ MUKA 12 ruang 1

Tidak ada komen dari ibubapa—M.

27 JAN 1976

★ DARI MUKA 1

nuntut yang degil di hari ketegangan itu mengugut akan mengambil tindakan ke atas pelajar yang pulang, bila kampus dibuka semula.

"Kerana itu kita terpaksa bertindak tegas begini supaya pelajar-pelajar yang tidak bersalah tidak terkena ugut," kata beliau.

Dalam hal ini, kata Dr. Mahathir, pihaknya terpaksa bertindak untuk kepentingan golongan majoriti dari minoriti.

Beliau juga memberitahu usaha sedang dijalankan untuk menampung lebih 2,000 yang tidak akan mendapat kemudahan asrama bila kampus dibuka semula.

Tinggal

Antaranya, kata beliau, berusaha mengadakan tempat tinggal untuk mereka berhampiran dengan kampus dan menggalakkan penuntut yang mampu tinggal di luar kampus.

"Kita mungkin akan meminta penuntut-penuntut yang menerima biasiswa yang jumlahnya lebih 2,400 orang berbuat demikian."

Mereka ini, tambah beliau, mampu berbuat demikian kerana sama-sama tinggal di asrama sebelum ini juga terpaksa membayar wang kemudahan asrama.

"Kita berpendapat dengan cara begini masalah yang dihadapi dalam menampung bilangan penuntut di asrama kampus dapat dikurangkan dan diatasi," kata beliau.

Beliau juga memberitahu, seramai 1,120 orang penuntut tidak terlibat dalam temuduga yang akan dijalankan nanti.

Mereka termasuk yang mendaftar bulan Januari lalu dan yang mengambil kursus-kursus MEDEC, BBA Universiti Ohio dan Sekretariat Sains.

Bagaimanapun seperti penuntut-penuntut lain, mereka diwajibkan mematuhi peraturan yang dikenakan.

Beliau kemudian memberitahu, ITM terpaksa mengadakan perbelanjaan besar membaiki keadaan asrama yang teralut "daif" sejak ditinggalkan oleh para penuntut baru-baru ini.

Kerja membaikinya, tambah beliau sedang rancang dijalankan "dan inilah sebabnya kampus itu lambat dibuka."

Beliau juga memberitahu bahawa ITM terpaksa membelanjakan \$600,000 sebulan untuk menampung makanan pelajar yang tinggal di asrama.

Mengenai sikap ibubapa terhadap tindakan yang dilakukan ini, Dr. Mahathir memberitahu, setakat ini beliau tidak menerima apa-apa komen dari mereka.

"Tetapi saya ada menerima surat dari orang-ramai dan persatuan-persatuan menyokong tindakan yang kami ambil," katanya.

"Saya juga ada menerima surat dari penuntut beberapa kursus di institusi itu berharap kursus mereka dibuka segera, kerana mereka mendakwa tidak terlibat dalam ketegangan yang telah berlaku," kata Dr. Mahathir.